

TINJAUAN GAYA PEMBELAJARAN PELAJAR-PELAJAR PEKAK DI
SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS BESUT, TERENGGANU : SATU
KAJIAN KES

JUSMA BINTI JAAFAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

FEBRUARI, 2004

*Istimewa Buat Ayah Dan Mak Yang Sentiasa Memberikan
Sokongan...*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah s.w.t yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah dengan keizinan dan rahmatNya membolehkan saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan jayanya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tinggi kepada penyelia saya, Tn. Haji Mohd. Salleh Bin Haji Tahar, di atas segala bantuan, sokongan, komentar dan bimbingan yang diberikan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Jutaan terima kasih juga kepada semua kakitangan dan pelajar Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu yang telah memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada kedua orang tua yang tercinta. Tanpa dorongan dan nasihat mereka, tak mungkin saya sampai ke tahap ini.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam menyiapkan kajian ini. Jasa dan bantuan yang telah diberikan akan sentiasa diingati dan dihargai selamanya.

Jusma Binti Jaafar

2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar pekak di sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kecenderungan gaya pembelajaran pelajar pekak dalam proses mengumpul dan menerima data/ maklumat, dan cara pelajar berinteraksi untuk menguasai pelajaran samada secara bertulis ataupun secara lisan. Memandangkan bilangan pelajar pekak adalah terhad, maka keseluruhan pelajar seramai 31 orang merupakan responden kajian ini. *Learning Style Instrument* digunakan sebagai bahan untuk memenuhi objektif kajian. Kajian ini adalah berbentuk diskriptif dan menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperolehi, dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.0 bagi mendapatkan nilai peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian kemudiannya dibentangkan dalam bentuk jadual dan rajah bagi menggambarkan maksud jawapan pelajar. Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar pekak menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap gaya pembelajaran berbentuk Dengar/ Pandang/ Kinestetik, Bahasa Lisan/ Dengar dan Pernyataan Lisan/ Penyampaian Lisan. Rata-rata pelajar pekak memilih untuk belajar bersama-sama kumpulan berbanding belajar secara bersendirian. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pelajar pekak mempunyai kecenderungan yang sederhana terhadap gaya pembelajaran yang melibatkan pernyataan dan penghuraian secara bertulis. Pengkaji berharap kajian mengenai gaya pembelajaran, khususnya gaya pembelajaran pelajar khas akan terus dilaksanakan untuk memantapkan kualiti pendidikan di negara kita.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify student's learning style profile among deaf students in Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu. The objectives of this research are, to determine the students' interest towards learning style in the form of collecting and processing data/ information, and their communication ability in written statement or oral statement. A total of 31 deaf students are selected as the population of this research. Learning Style Instrument are used as a tool to fulfill the objectives of this research. This is a descriptive research, so a set of questionnaire used to collect, process and gathering data. The data, then, analysed by SPSS version 11.0 to determine the percentage, mean and standard deviation. The result of this research presented in tables and charts to illustrated the meaning of students' answer. The findings shows that majority of deaf students possessed high interest towards the form of Hearing/ Visual/ Kinesthetic and Oral Statement/ Hearing. Deaf students also prefer towards group learning style compared to individual learning style. The findings of this research also showed that deaf students possessed medium interest level towards Oral Statement/ Oral Description learning style. Hopefully, this research will contribute towards the students learning style, especially for deaf students in order to improve our country education quality.

KANDUNGAN

BAB	KANDUNGAN	HALAMAN
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	TAJUK	i
	PENGAKUAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xiv

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
	1.3.1 Cara Belajar	5
	1.3.2 Kaedah Pembelajaran	5

1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Limitasi Kajian	9
1.9	Daftar Istilah	9
1.9.1	Gaya Pembelajaran	9
1.9.2	Pelajar	10
1.9.3	Pendidikan Khas	10
1.10	Daftar Operasional	11
1.10.1	Gaya Pembelajaran Bahasa Tertulis/Pandang	11
1.10.2	Gaya Pembelajaran Bahasa Lisan/Dengar	11
1.10.3	Gaya Pembelajaran Angka Tertulis/Pandang	11
1.10.4	Gaya Pembelajaran Angka Lisan/Dengar	11
1.10.5	Gaya Pembelajaran Dengar/Pandang/Kinestetik	12
1.10.6	Gaya Pembelajaran Belajar Secara Bersendirian	12
1.10.7	Gaya Pembelajaran Belajar Secara Berkumpulan	12
1.10.8	Gaya Pembelajaran Pernyataan Tertulis/Penyampaian Lisan	12
1.10.9	Gaya Pembelajaran Pernyataan Lisan/Penyampaian Lisan	12
1.10.10	Lisan	13
1.11	Rumusan	13



II. SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	14
2.2	Gaya Pembelajaran	14
2.2.1	Pendahuluan	14
2.2.2	Definisi Dan Ciri-ciri Pembelajaran	17
2.2.3	Teori Pembelajaran	18
2.2.4	Klasifikasi Pembelajaran	22
2.2.5	Strategi Pembelajaran	24
2.3	Pendidikan Khas	26
2.3.1	Pendahuluan	26
2.3.2	Falsafah Pendidikan Khas	27
2.3.3	Matlamat Pendidikan Khas	28
2.3.4	Objektif Pendidikan Khas	29
2.3.5	Misi Pendidikan Khas	29
2.3.6	Ciri-ciri Pendidikan Khas	30
2.3.7	Model Pembelajaran Khas	32
2.3.8	Strategi Mengajar Pelajar Khas	32
2.3.9	Program Pendidikan Khas Di Malaysia	33
2.3.10	Program Khas Di Politeknik	36
2.4	Kajian Lepas	38
2.5	Rumusan	41

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	42
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Responden Kajian	43
3.4	Sumber Data	44
	3.4.1 Data Primer	44
	3.4.2 Data Sekunder	44
3.5	Kronologi Kajian	45
3.6	Instrumen Kajian	46
3.7	Kajian Rintis	50
3.8	Kaedah Analisis Data	51
3.9	Andaian Kajian	52
3.10	Rumusan	53

IV ANALISA DATA

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisa Demografi Responden	55
	4.2.1 Kategori Kecacatan Responden	55
	4.2.2 Jantina	56
	4.2.3 Bangsa	56
	4.2.4 Umur	57
4.3	Analisa Gaya Pembelajaran	58
	4.3.1 Kelompok 1 (Cara Mengumpul Data / Maklumat)	58
	4.3.2 Kelompok 2 (Cara Belajar)	61
	4.3.3 Kelompok 3 (Cara Berinteraksi)	63
4.4	Rumusan	64

V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	67
5.2	Kesimpulan	68
5.3	Cadangan	70
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	71

RUJUKAN 72

LAMPIRAN 76



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Sekolah Pendidikan Khas (Pekak)	34
2.2	Program Integrasi (Pekak)	34
2.3	Perkembangan Program Pendidikan Khas (Pekak) 1996-2002	35
2.4	Perkembangan Program Integrasi (Pekak) 1996-2002	36
3.1	Jumlah Populasi Dan Sampel	44
3.2	Skala Dan Maklum Balas	46
3.3	Pembahagian Kelompok Mengikut Gaya Pembelajaran	47
3.4	Contoh Instrumen Dan Maksud Bagi Setiap Kategori Gaya Pembelajaran Yang Digunakan Untuk Melihat Respon Pelajar.	48
3.5	Item-item Soal Selidik Yang Mewakili Gaya Pembelajaran	49
3.6	Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Kelompok Gaya Pembelajaran	50
3.7	Jadual Penentuan Tahap	51
4.1	Kategori Kecacatan Responden	55
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	56
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	56

SENARAI JADUAL
(SAMBUNGAN)

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
4.4	Taburan Responden Mengikut Umur	57
4.5	Peratusan Pemilihan Cara Mengumpul Data / Maklumat	58
4.6	Ukuran Tahap Cara Mengumpul Data / Maklumat	59
4.7	Peratusan Pemilihan Cara Belajar	61
4.8	Ukuran Tahap Cara Belajar	61
4.9	Peratusan Pemilihan Cara Berinteraksi	63
4.10	Ukuran Tahap Cara Berinteraksi	63
4.11	Kesimpulan Dapatan Kajian	66

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
3.1	Kronologi Kajian	45

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	76
B	Ujian Kebolehpercayaan	82
C	Analisa Kajian	85

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Diketahui umum bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Ada individu yang suka belajar secara bersendirian, bersama kawan baik, secara beramai-ramai atau berkumpul, belajar menerusi perbincangan, pemerhatian, kajian atau membuat rujukan-rujukan tertentu. Ada juga sesetengah individu yang sukakan suasana pembelajaran yang tenang tanpa gangguan, dan ada juga yang suka belajar dalam keadaan berirama.

Walaupun bagaimanapun, Ya'kub (2000) menyatakan gaya pembelajaran yang betul adalah penting kerana ia akan membantu meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan akan menghasilkan pencapaian akademik yang cemerlang.

Hal ini dianggap penting kerana negara Malaysia pada masa sekarang mengharapkan masyarakat yang mempunyai tahap intelektual yang tinggi. Ini boleh dijadikan sebagai petunjuk kepada kemakmuran negara kita. Untuk mencapai hasrat ini, pastinya sistem pendidikan perlu memainkan peranan yang besar. Hal ini boleh dikaitkan dengan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar yang akan

menyumbang kepada pencapaian akademik yang baik. Oleh kerana inilah, setiap pelajar perlu mengenalpasti gaya pembelajaran masing-masing yang akan membantu mereka menghasilkan kejayaan. Pensyarah atau guru perlu juga memainkan peranan penting untuk membentuk gaya-gaya yang telah dikenalpasti dan boleh diaplikasikan kepada para pelajar untuk menjamin sesebuah kecemerlangan.

Gaya pembelajaran merupakan cara belajar seseorang individu yang bertindak dengan persekitarannya supaya individu tersebut dapat memproses, mentafsir dan memperolehi maklumat, ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diingini dalam setiap proses pembelajaran yang dialami (Mok Soon Sang, 2000). Jika dilihat dari pandangan psikologi pendidikan, gaya pembelajaran ialah cara seseorang pelajar memberi tumpuan dan tindakan untuk memproses dan memperolehi maklumat, ilmu atau pengalaman lain. Menurut sesetengah ahli psikologi yang lain pula, gaya pembelajaran merupakan pelbagai cara membuat persepsi dan memproses maklumat untuk membentuk konsep atau prinsip.

Menyentuh mengenai Pendidikan Khas pula, di Malaysia, Akta Pendidikan 1996 ; Peraturan-peraturan Pendidikan Khas 1997, Bahagian 1, mentakrifkan bahawa 'pelajar-pelajar dengan keperluan khas' sebagai pelajar-pelajar yang mempunyai kecacatan penglihatan atau cacat pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran (Hasnah Udin, 1992). Program Pendidikan Khas boleh dimaksudkan sebagai :

- a. Satu program yang disediakan di sekolah-sekolah khas bagi pelajar-pelajar yang mempunyai kecacatan penglihatan dan pendengaran
- b. Satu program percantuman di sekolah-sekolah biasa bagi pelajar yang mempunyai kecacatan penglihatan atau pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran
- c. Satu program pendidikan inklusif bagi pelajar-pelajar dengan keperluan khas yang boleh menghadiri di dalam kelas biasa bersama-sama dengan murid biasa

Bahagian 2 di dalam akta yang sama menyatakan, bagi sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, pelajar-pelajar dengan keperluan khas yang boleh dididik layak untuk menghadiri program Pendidikan Khas kecuali pelajar-pelajar berikut :

- a. Pelajar yang cacat anggota tetapi mempunyai kebolehan mental untuk belajar seperti pelajar biasa
- b. Pelajar yang mempunyai pelbagai kecacatan atau yang sangat cacat anggotanya atau yang terencat akal yang berat

Ekoran daripada perkembangan pesat dalam bidang pendidikan, terutamanya bidang pendidikan teknik dan vokasional, pelajar-pelajar khas juga mempunyai hak dan keistimewaan untuk belajar seterusnya menyumbangkan sesuatu kepada kemajuan negara. Pelajar-pelajar khas perlu diberi peluang belajar secara formal kerana ia membantu kerajaan menyediakan tenaga sumber manusia berkualiti suatu hari nanti.

1.2 Latar Belakang Masalah

Setiap insan perlu mencapai kecemerlangan dalam proses pembelajarannya sehari-hari kerana ilmu adalah sesuatu yang paling penting dalam hidup seseorang. Kesilapan dalam mengaplikasikan sesuatu gaya pembelajaran boleh memberi kesan yang tidak baik dan boleh menjejaskan pencapaian akademik seseorang individu. Ini adalah kerana teknik belajar yang dilakukan dalam proses pembelajaran akan menentukan pencapaian pembelajaran yang dihasilkan.

Menurut Ec Ah Meng (1999) pula, setiap orang mempunyai kecenderungan dalam melakukan sesuatu dengan gaya yang tersendiri. Termasuklah dalam sesi pembelajaran. Terdapat pelbagai gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar terutama pelajar pekak untuk mendapatkan pencapaian yang terbaik dalam pembelajaran mereka.

Pengenalan beberapa kursus untuk pelajar pekak di sesetengah politeknik memberikan ruang kepada pelajar pekak untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka. Menurut Chua dan Koh (1992), pelajar pekak mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Apabila pihak pengajar dapat mengetahui gaya pembelajaran setiap pelajarnya, terutama pengajar yang terlibat secara langsung dengan pelajar-pelajar pekak, sedikit sebanyak dapat membantu untuk meramalkan apakah pendekatan pengajaran yang sesuai untuk diaplikasikan oleh keseluruhan pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran tersebut dan membentuk strategi pengajaran yang bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, setiap pengajar perlu menyedari hakikat bahawa gaya pembelajaran pelajar yang berbeza-beza, memerlukan mereka untuk bersedia mempelbagaikan pendekatan pengajaran dalam usaha untuk menyumbangkan ilmu yang sempurna (Mohd. Salleh Lebar, 1998).

Kesimpulannya, para pengajar perlu mempunyai pengetahuan mengenai gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar mereka. Ini secara tidak langsung akan dapat membantu dan memberikan panduan yang berguna untuk menghasilkan proses Pengajaran dan Pembelajaran yang optimum. Ini kerana para pengajar boleh menyesuaikan teknik pengajaran yang diamalkan oleh mereka dengan gaya pembelajaran dari pihak pelajar supaya dapat menghasilkan proses menimba ilmu yang lebih efektif.

1.3 Pernyataan Masalah

Gaya pembelajaran telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang memberi sumbangan yang besar di dalam pencapaian akademik seseorang individu. Secara umumnya, gaya pembelajaran di antara seseorang pelajar tidak sama. Apalagi pelajar-pelajar pekak. Begitu juga dengan pencapaian mereka.

Kajian ini bertujuan meninjau gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu. Kajian ini difokuskan kepada pelajar pekak dan proses pembelajaran yang melibatkan proses mereka menerima data/ maklumat, menghayati isi pelajaran dan cara mereka berinteraksi untuk menyampaikan maklumat tersebut kepada orang di sekeliling mereka.

Kajian ini dijalankan berpandu kepada Nagendralingam dan rakan (1996), yang menyatakan gaya pembelajaran boleh dihuraikan kepada berikut :

1.3.1 Cara Belajar

- a. Belajar secara bersendirian
- b. Belajar secara berkumpulan

1.3.2 Kaedah Pembelajaran

- a. Menerima maklumat
 - i. Bahasa tertulis/ pandang
 - ii. Angka tertulis/ pandang
 - iii. Bahasa lisan/ dengar
 - iv. Angka lisan/ dengar
 - v. Dengar/ pandang/ kinestetik

- b. Menyampaikan maklumat
 - i. Pernyataan tertulis/ lisan
 - ii. Pernyataan lisan/ lisan

Persoalan di sini, apakah gaya pembelajaran yang paling sesuai untuk diaplikasikan kepada pelajar pekak untuk menjamin kejayaan mereka? Dalam kesukaran mereka untuk berinteraksi dengan persekitaran, apakah gaya pembelajaran yang diminati oleh para pelajar untuk diaplikasikan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran? Kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan di atas agar dapat membantu para pengajar dalam memainkan peranan penting di dalam sistem pendidikan yang melibatkan mereka secara langsung. Ini kerana, gaya pengajar dan penggunaan teknik yang bersesuaian dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap gaya pembelajaran pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji mengenalpasti dua objektif utama iaitu untuk :

- a. Meninjau apakah kelaziman gaya pembelajaran yang dipraktikkan oleh pelajar-pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu dalam aspek cara mengumpul data/ maklumat pembelajaran.
- b. Menenalpasti apakah kaedah interaksi yang dilakukan oleh pelajar-pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu dalam menerima dan menyampaikan maklumat.

1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji telah mengenalpasti tiga persoalan kajian iaitu :

- a. Apakah kelaziman gaya pembelajaran yang dipraktikkan oleh pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu dalam aspek cara mengumpul data/ maklumat pembelajaran?
- b. Adakah pelajar-pelajar di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu mengamalkan gaya pembelajaran secara bersendirian atau secara berkumpulan?
- c. Apakah cara interaksi yang boleh membantu pelajar-pelajar pekak menguasai pelajaran samada gaya pembelajaran secara bertulis ataupun secara pernyataan lisan?

Keupayaan dalam memahami gaya pembelajaran pelajar dan situasi yang boleh menyokongnya belajar secara berkesan akan dapat membantu mempertingkatkan kekuatan diri, keyakinan, keberkesanan proses Pengajaran dan Pembelajaran, dan kecemerlangan akademik (Dunn, 1974 dalam Chua dan Koh, 1992). Banyak kajian yang dilakukan sebelum ini, telah membuktikan bahawa para pengajar yang didedahkan dengan gaya pembelajaran pelajar di kelasnya dapat mengenalpasti dan memahami mengapa individu itu mengikut kaedah tertentu ketika belajar.

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji berminat untuk menjalankan kajian ini kerana pemilihan cara pembelajaran adalah salah satu perkara yang penting dan berkait rapat dengan kejayaan masa depan pelajar-pelajar pekak. Kajian ini diharapkan dapat memberikan perspektif baru dan menjadi panduan kepada para pengajar di politeknik dalam mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar pekak untuk membantu menyusun dan merancang strategi meningkatkan keberkesanan proses Pengajaran dan Pembelajaran.

Di samping itu juga, pengkaji mengharapkan kajian ini akan dapat membantu para pelajar pekak dalam mengenalpasti gaya pembelajaran yang boleh membantu mereka menghasilkan pencapaian yang cemerlang.

Pengkaji juga berharap kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan bagi pihak-pihak lain yang ingin memantapkan lagi isu ini serta untuk tujuan ilmiah yang lain.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini menumpukan kepada usaha untuk mendapatkan data dan maklumat tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu. Sekumpulan pelajar dipilih sebagai satu tujuan kajian dalam meninjau gaya-gaya pembelajaran mereka. Kesemua gaya pembelajaran akan diukur dengan menggunakan soal selidik yang telah diubahsuai daripada set *Learning Style Questionnaires* oleh Abd. Rahim dan rakan (1995). Set ini mengandungi 43 item menyentuh mengenai tingkahlaku pembelajaran pelajar.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini dibataskan kepada pelajar-pelajar pekak di Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu sahaja. Oleh kerana itulah, hasil kajian ini hanyalah mengikut keputusan yang diberikan oleh sampel pelajar-pelajar tersebut. Kajian ini sah di lokasi kajian dijalankan sahaja dan maklumat hanya tepat pada masa kajian dijalankan. Data yang diperolehi dalam kajian ini bergantung kepada kejujuran pelajar menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

1.9 Daftar Istilah

Dalam penulisan ini, terdapat beberapa istilah yang perlu diperjelaskan.

1.9.1 Gaya Pembelajaran

Mok Soon Sang (1994) mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai stail atau cara pembelajaran seseorang. Honey dan Munford, 1986 (dalam Ee Ah Meng, 1996) menyatakan gaya pembelajaran boleh dikategorikan kepada empat jenis iaitu aktivis, reflektif, teoris dan pragmatis.

Menurut Dunn dan Dunn (1981) dalam Ee Ah Meng, (1999) pula, gaya pembelajaran merujuk kepada gaya individu bertindakbalas terhadap dunia di sekitarnya terutama dalam usaha untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam dalam proses pembelajaran. Gaya ini merujuk kepada cara bagaimana elemen daripada lima rangsangan asas iaitu, rangsangan persekitaran, rangsangan emosi, rangsangan sosiologi, rangsangan fisiologi dan rangsangan psikologi mempengaruhi

keupayaan seseorang untuk memahami dan berinteraksi serta bertindakbalas kepada persekitaran pembelajaran.

1.9.2 Pelajar

Mengikut pengertian daripada Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka (2000), pelajar adalah merujuk kepada penuntut atau orang yang mendalami pengetahuannya tentang sesuatu bidang ilmu. Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar pekak Sekolah Pendidikan Khas Besut, Terengganu.

Menurut Ee Ah Meng (1995), pelajar pekak biasanya mempunyai pendengaran separa. Mereka biasanya tidak dapat bertindak dengan bunyi di sekeliling mereka.

Mohd. Salleh Lebar (1998) pula menyatakan, kecacatan pendengaran boleh dibahagikan kepada dua iaitu pekak di mana deria mendengar tidak berfungsi, dan separuh pekak di mana boleh mendengar tetapi kurang jelas.

1.9.3 Pendidikan Khas

Pendidikan Khas merujuk kepada pendidikan bagi pelajar-pelajar luar biasa dari segi intelek, jasmani dan sosial dan emosi, yang tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada rancangan sekolah biasa (Chua dan Koh, 1992).

Gearhart dan Weishahn (1980) pula berpendapat, Pendidikan Khas ialah subsistem kepada pendidikan yang bertanggungjawab mengadakan peruntukan kemudahan dan keistimewaan bagi membantu pelajar-pelajar yang bersifat luar biasa.

1.10 Daftar Operasional

Kajian ini dijalankan berdasarkan sembilan kategori jenis-jenis gaya pembelajaran yang dikemukakan oleh B. Albert dan rakan (1975) yang telah diterjemah dan digunakan oleh Abd. Rahim dan rakan (1995) dan Ghiam dan rakan (1996). Sembilan kategori ini merangkumi :

1.10.1 Gaya Pembelajaran Bahasa Tertulis/Pandang

Pemahaman yang lebih berkesan melalui pembacaan.

1.10.2 Gaya Pembelajaran Bahasa Lisan/Dengar

Pemahaman yang lebih berkesan melalui arahan dan penerangan lisan berbanding tulisan.

1.10.3 Gaya Pembelajaran Angka Tertulis/Pandang

Pemahaman yang lebih berkesan melalui angka, carta dan graf.

1.10.4 Gaya Pembelajaran Angka Lisan/Dengar

Pemahaman yang lebih berkesan melalui penerangan lisan mengenai angka atau konsep matematik.

RUJUKAN

.....(30 Mei 2002). “ UPSI Tawar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas.”
Berita Harian.

Abd. Rahim dan rakan-rakan (1995). “Kajian Gaya Belajar Kumpulan Pelajar KPLI
sesi 1994/1995 Di Institut Tanjung Malim, Perak. Kertas Seminar
Pendidikan. Sarawak, Kuching.

Abd. Rahim Selamat (1992). “Belajar Cara Belajar.” Kuala Lumpur : Nurin
Enterperise.

American Council on Education (2000). “Students Who Are Deaf Or Hard of
Hearing In Postsecondary Education.” HEATH Resource Center
Publication. Washington. Dalam <http://netac.rit.edu>.

Amir Awang (1993). “Teori-teori Pembelajaran.” Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn.
Bhd. Halaman 1 - 11.

Azli Abdullah (1998).....Dalam Raja Mahani Bt Raja Sulaiman (2002).
“Tinjauan Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar-pelajar Semester Tiga
Tahun 2002 Diploma Akauntansi Di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Kuantan, Pahang.” Johor : KUiTTHO. Projek Sarjana.

Baharuddin (1999)..... Dalam Suzana Bt. Muhammad (Feb. 2003).
“Tinjauan Gaya Pembelajaran Di Kalangan Pelajar-pelajar Semester 2
Diploma Pemasaran Di Politeknik Sultan Abd. Halim Muadzam Shah.”
Johor : KUiTTHO. Projek Sarjana.

- Bowles, A.K (1992). "An Examination of The Differences In Teaching Style Preferred By Traditional Students Adults At Sparthanburg Methodist College (South Carolina)." University of South Carolina : Dactoral Dissertation.
- Chua, Tee Tee dan Koh, Boh Boon (1992). "Pendidikan Khas Dan Pemulihan: Bacaan Asas." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Halaman 4 - 31.
- Dunn dan Dunn (1981). Dalam Ee, Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan : Psikologi Perkembangan." Edisi Ke2. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Halaman 184-185.
- Dunn R. dan Dunn K. (1974). Dalam Chua, Tee Tee dan Koh, Boh Boon (1992). "Pendidikan Khas Dan Pemulihan: Bacaan Asas." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. Halaman 4 – 31.
- Ee, Ah Meng (1994). "Psikologi Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Halaman 112 – 181.
- Ee, Ah Meng (1995). "Sekolah Dan Perkembangan Kanak-kanak : Asas Pendidikan 4." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Halaman 61 – 93.
- Ee, Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan : Psikologi Perkembangan." Edisi Ke2. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gearhart, B. R., Weishehn, M. W. dan Gearhart, C. J. (1980). "The Exceptional Student In Regular Classroom." 6th Ed. Englewoods Cliff, New Jersey : Prentice Hall, Inc.
- Gutek, G. L. (1992). "Education And Schooling In Amerika." 3rd Ed. Massachusetts, Boston : Allyn and Bacon.
- Hajah Hasnah Udin (1992). "Bimbingan Kanak-kanak Luar Biasa." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Honey dan Munford (1986). "The Manual of Learning Styles." Dalam Ee, Ah Meng (1999). "Psikologi Pendidikan : Psikologi Perkembangan." Edisi Ke2 Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Halaman 47 – 58.

Kamus Dewan (2000). Edisi ke 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

Krejeie, R. V. dan Mongan, D. W. (1970). "Determining Sample Size For Research. Educational And Psychological Measurement."

Mohd. Najib Abdul Ghafar (1997). "Pembinaan Dan Analisis Ujian Bilik Darjah" Johor : Universiti Teknologi Malaysia. Halaman 107.

Mohd. Arif, Mohd. Jasmy, Chia T.B. (...). "Penggunaan Multimedia Dalam Matapelajaran Geografi : Fokus Terhadap Pendidikan Khas." Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Salleh Bin Lebar (1998). "Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah Dan Pendidikan." Selangor : Thinkers's Library Sdn. Bhd. Halaman 145 – 150.

Mohd. Salleh Bin Tahar (1998). "Kajian Terhadap Gaya Pembelajaran Kumpulan Jurutera Kursus Perguruan Lepas Ijazah 1996/1997 di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur." Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana.

Mok, Soon Sang (1994). "Asas Pedagogi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran." Selangor : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Halaman 201 – 216.

Mok, Soon Sang (2000). "Pedagogi 2 : Perlaksanaan Pengajaran." Selangor : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Nagendralingam dan rakan-rakan (1996). "Gaya Belajar Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Di Perak, Kedah Dan Pulau Pinang." Kuala Lumpur : Pusat Dokumentasi.

Wilson, Robeck dan Micheal (1974). "Psychological Foundations of Learning And Teaching." Dalam Amir Awang (1993). "Teori-teori Pembelajaran." Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd. Halaman 1 – 11.

Ya'kub Omar (Oktober, 2000). "Gaya Pembelajaran Pelajar Ittho : Kajian Kes Terhadap Pelajar Semester 1, Tahun 1 1998 / 1999, Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal." Johor : KUiTTHO. Projek Sarjana.

Yahya Muhammad (1990).....Dalam Ya'kub Omar (Oktober, 2000). "Gaya Pembelajaran Pelajar Ittho : Kajian Kes Terhadap Pelajar Semester 1, Tahun 1 1998 / 1999, Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Mekanikal." Johor : KUiTTHO. Projek Sarjana.

Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu (2003). "Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 For Windows". Kuala Lumpur: Venton Publishing. Halaman 271 – 281.

Zulkifli Bin Mohd Yusoff (2000)..... Dalam Zarina Bt. Mat Sapri (Feb. 2003). "Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar-pelajar Pendidikan Khas Aliran Teknik Dan Vokasional." : Satu Tinjauan. Johor : KUiTTHO. Projek Sarjana.

